

# Ahli Umno perlu berani

BH 7 AUG 2000

Oleh Zaharah Manan

KUANTAN, Ahad - Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, mahu semua ahli Umno bersikap lebih berani dan agresif dalam menangani pelbagai isu, terutama yang membabitkan keselamatan negara dan agama.

Beliau berkata, mereka perlu sentiasa bersedia menerima tanggungjawab mempertahankan agama, bangsa dan negara tanpa menunggu tindakan daripada kerajaan semata-mata.

“**Perkembangan terkini perlu diberi perhatian semua ahli Umno supaya turut membantu kerajaan mencari jalan menangani isu berkenaan pelbagai isu, terutama babitkan keselamatan dan agama**

”

- Setiausaha Agung Umno,  
Tan Sri Mohd Khalil Yaakob

Katanya, perkembangan terkini yang berlaku di negara ini perlu diberi perhatian semua ahli

Umno supaya turut membantu kerajaan mencari jalan menangani isu berkenaan.

“Ini kerana keadaan itu sudah sampai ke tahap mengancam keselamatan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Konvensyen Umno bahagian Paya Besar, bagi membahaskan ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan perwakilan Umno lalu oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin di Dewan Konvensyen Jubli

Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini, hari ini.

Sementara itu, katanya, ahli Umno tidak seharusnya memikirkan soal pemilihan dalam partisama ada pada peringkat bahagian dan cawangan, sebaliknya lebih mementingkan usaha melawan setiap dakyah pembangkang, termasuk soal kafir mengkafir dan isu Al-Ma'unah.

“Matlamat memenangi dan mempertahankan kerusi pada pilihan raya seterusnya akan menjadi lebih mudah jika semua

ahli Umno bertindak mulai sekarang,” katanya.

Khalil yang juga Ketua Umno bahagian Paya Besar, menyuarakan kebimbangannya berikutan laporan bahawa kawasan Dewan Undangan Negeri Penor di sini dikenal pasti sebagai pusat latihan dan kubu kuat kumpulan Al-Ma'unah di negeri ini.

“Kita bukan saja kalah kerusi Penor dalam pilihan raya umum lalu, malah kawasan itu kini sudah menjadi kubu kuat kumpulan Al-Ma'unah

dan Pas,” katanya.

Beliau berkata, sebuah lagi tempat di Cherating, dekat sini juga sudah dijadikan kubu kuat kumpulan Al-Ma'unah